

**BERITA HARIAN, RABU, 22 FEBRUARI, 1978**

## **Mahathir akan rasmikan kompleks Pekan Rabu**

**ALOR SETAR, Selasa.**—  
Timbalan Perdana Menteri,  
Datuk Seri Dr. Mahathir  
Mohamad akan merasmikan  
Kompleks Perniagaan  
Pekan Rabu berharga \$3.2  
juta di sini Sabtu ini.

Kompleks tersebut yang  
menempatkan peniaga-peniaga  
Bumiputera di bandar  
ini telah dibina dengan pinjaman  
Mara.

Sementara itu, isteri  
Timbalan Perdana Menteri,  
Datin Seri Dr. Siti Hasmah  
akan merasmikan mesyuarat  
agung Pergerakan Wanita  
Umno Cawangan Kodiang  
di Sekolah Kebangsaan  
Kodiang pada hari yang sama.